



**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA DENGAN
KOPERAL (B) EN. RAHMAT BIN WALI MUHAMAD
MENGENAI PERISTIWA 13 MEI 1969,
DI KUALA LUMPUR.**

**MOHAMMAD FAIZ BIN ABDUL RAHMAN
2011631514**

**MOHAMAD LUTFI BIN YUNOS
2011460708**

**PROJEK DIMAJUKAN KEPADA FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, KAMPUS JOHOR
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS IMR 603- SEJARAH LISAN
SEMESTER 5 (SEPTEMBER 2012 – JANUARI 2013)**

بسم الله الرحمن الرحيم السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana limpah kurnia serta hidayah-Nya dapat kami menyiapkan tugas sejarah lisan ini pada masa yang telah ditetapkan. Pertama sekali kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah kami, Puan Azura Binti Jamil @ Kamaruddzaman yang tidak jemu-jemu membimbing serta memberi tunjuk ajar yang terbaik kepada kami. Tanpa bimbingan beliau, siapalah kami. Jasa beliau terlalu banyak kepada kami. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas jasa baik beliau.

Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada tokoh kami iaitu Koperal (B) Encik Rahmat Bin Wali Muhammad kerana telah sudi diwawancara walaupun untuk beberapa kali, walau dalam keadaan kesihatan yang tidak mengizinkan. Kesabaran serta kesanggupan beliau untuk diwawancara mengenai pengalaman beliau sebagai seorang anggota tentera yang telah bersama-sama berjuang serta berbakti kepada negara, bangsa dan juga agama bagi menjamin keselamatan serta, keamanan sehingga hari ini. Kesabaran dan juga komitmen beliau sangat kami hargai walaupun kami terpaksa melakukan rakaman sebanyak dua kali, ini kerana terdapat gangguan teknikal semasa kami melakukan rakaman. Namun beliau sanggup meluangkan masa, semoga pengalaman beliau dapat dirasakan bersama terutama generasi kini dan masa akan datang.

Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kedua ibu bapa kami yang telah banyak memberi dorongan serta sokongna kepada kami. Mereka juga banyak memberikan buah fikiran serta cara-cara bagaimana untuk berkomunikasi bersama dengan golongan yang lebih tua dan juga mempuyai banyak pengalaman ini. Kami juga tidak lupa akan kawan-kawan seperjuangan yang banyak membantu dan memberi nasihat kepada kami. Segala nasihat serta tunjuk ajar yang telah diberikan amat kami hargai dalam menyiapkan transkrip ini. Segala dorongan dan bantuan dari kalian amat kami hargai. Wasalam.....

ISI KANDUNGAN

Abstrak

- **Peristiwa 13 Mei 1969.....2**

Pengenalan

- **Kronologi Peristiwa 13 Mei 1969.....3**
- **Faktor Tercetusnya Peristiwa 13 Mei.....7**
- **Tindakan Diambil Semasa Peristiwa 13 Mei.....12**
- **REJIMEN ASKAR MELAYU DI-RAJA (RAMD).....13**
- **Isu perkauman dalam pilihan raya 1969.....26**
- **Mageran.....27**

Transkrip Wawancara.....29

Log Wawancara.....76

Biodata Tokoh.....86

Senarai Soalan Wawancara.....88

Senarai Rujukan.....102

Lampiran103

Index.....104

ABSTRAK

PERISTIWA 13 MEI 1969

Abstrak: Transkrip ini mengandungi temubual bersama dengan yang berbahagia Koperal (B) Encik Rahmat bin Wali Muhamad, mengenai pengalaman beliau berkhidmat sebagai askar semasa berlakunya Peristiwa 13 Mei 1969 di Kuala Lumpur. Temubual bersama beliau sangat menyeronokkan kerana beliau banyak menceritakan pengalaman beliau semasa berkhidmat sepanjang Peristiwa 13 Mei dan juga selepas pertinglikahan antara kaum ini berlaku. Peristiwa ini memberikan banyak impak serta kesan yang hebat kepada bukan hanya negara malah juga kepercayaan serta kedamaian antara kaum yang berbilang bangsa di Malaysia. Temubual ini telah dibahagikan kepada tiga bahagian soalan iaitu soalan orientasi, soalan umum dan soalan khusus. Temu bual ini mengambil masa lebih kurang selama dua jam. Selain transkrip temubual terdapat juga sedikit pengenalan berkenaan Peristiwa 13 Mei serta punca berlakunya peristiwa hitam yang tercalit dalam sejarah negara. Beliau juga memberikan pendapat serta pandangan beliau tentang keadaan masyarakat pada masa kini dan harapan serta nasihat beliau kepada generasi muda khususnya. Diharapkan peristiwa rusuhan kaum ini tidak berulang lagi serta menjadi iktibar kepada semua kaum di dalam negara ini. Transkrip ini turut memuatkan log temubual untuk memudahkan pembaca mencari matlumat yang diperlukan dengan lebih sistematik. Kerana inilah, kami memutuskan untuk menemu ramah Encik Rahmat bin Wali Muhamad. Kesimpulannya, usaha untuk memupuk dan mengekalkan perpaduan negara adalah perkara utama dalam dasar kerajaan Malaysia. Usaha ini dapat dilakukan apabila rakyat Malaysia yang berbilang kaum juga turut memberi kerjasama kepada kerajaan. Perpaduan rakyat dan integrasi nasional merupakan satu proses yang mengambil masa yang lama. Tahap pencapaiannya tidak dapat diukur serta tarikh tercapainya matlamat tidak boleh diramalkan. Dengan adanya prinsip Rukun Negara yang menjadi pegangan masyarakat majmuk di negara ini, iklim politik yang tidak bercorak perkauman, perpaduan rakyat dan negara adalah lebih *terjamin*.

Kata kunci: *Rusuhan kaum, Kuala Lumpur, Peristiwa 13 Mei*

BERIKUT ADALAH KRONOLOGI SEBELUM BERLAKUNYA PERISTIWA 13 MEI 1969:

Isu perkauman dalam Pilihanraya 1969

Isu-isu perkauman yang menyentuh emosi dan sensitiviti menjadi perbualan hangat sepanjang kempen pilihanraya yang telah menaikkan semangat kaum-kaum di Malaysia. Semasa kempen Pilihanraya 1969, calon-calon pilihan raya serta ahli-ahli politik terutamanya daripada parti pembangkang, telah membangkitkan soal-soal sensitif berkaitan dengan Bahasa Melayu, kedudukan istimewa orang Melayu dan hak kerakyatan orang bukan Melayu. Hal ini telah menimbulkan perasaan perkauman dan tidak puas hati di kalangan kaum.

Parti Perikatan (UMNO-MCA-MIC) telah mengalami kekalahan yang teruk dalam Pilihanraya 1969. Jumlah kerusi yang dimenangnya dalam Dewan Rakyat (Parlimen) telah menurun daripada lapan puluh sembilan kerusi pada tahun 1964 kepada enam puluh enam kerusi pada tahun 1969. Parti Perikatan telah hilang majoriti dua-pertiga dalam Dewan Rakyat.

Parti Gerakan, DAP dan PPP menang dua puluh lima buah kerusi dalam Dewan Rakyat manakala PAS menang dua belas kerusi.

Sebab terjadinya Peristiwa 13 Mei 1969 adalah dari perarakan kemenangan pihak pembangkang. Penyokong-penyokong Parti Gerakan dan DAP telah mengutuk dan menghina orang-orang Melayu semasa mengadakan perarakan di jalan-jalan raya di sekitar Kuala Lumpur.

Pembangkang meraikan kemenangan

Peristiwa ini berlaku berikutan pengumuman keputusan Pilihanraya Umum pada 10 Mei 1969. Dr.Tan Chee Khoo dari parti Gerakan telah menang besar di kawasan Batu, Selangor. Beliau meminta kebenaran polis untuk berarak meraikan kemenangan parti tersebut di Selangor yang menyaksikan 50:50 di Selangor. Perarakan tersebut menyebabkan kesesakan jalan raya di sekitar Kuala Lumpur. Perarakan hingga ke Jalan Campbell dan Halan Hale dan menuju ke Kampung Baru, sedangkan di Kampung Baru, diduduki lebih tiga puluh ribu orang Melayu yang menjadi kubu UMNO, berasa terancam dengan kemenangan pihak pembangkang.